

MAHATHIR PERSOAL KEWAJARAN USAHA MENGHALALKAN SEMULA UMNO

MAY 1988

ALUR SETAR 12 Mei — Presiden UMNO (baru), Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan kewajaran usaha beberapa orang bekas ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO lama untuk menghalalkan semula "UMNO". Beliau menjelaskan, sebenarnya UMNO 1984 sudahpun haram sebelum perhimpunan agung 24 April 1987 kerana wujud 30 cawangan haram. "Jadi kalau UMNO haram, MT pun haram juga. Jadi macam mana majlis yang haram ini nak ambilalih, nak menghalalkan balik UMNO? Saya tak tahulah," ujar Perdana

Menteri kepada para wartawan sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Kepala Batas dekat sini pagi ini. Datuk Sri Dr. Mahathir yang diiringi oleh isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berada di sini kerana menghadiri majlis Nuzul Al-Quran dan berbuka puasa dengan rakyat di kawasan pilihanrayanya di Masjid Pulau Ketam, Jitra malam tadi. Beliau juga mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli jawatankuasa UMNO

Oleh

Mat Piah Teh Deris

(baru) bahagian Kubang Pasu yang diketuainya. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Sri Haji Osman Aroff juga selaku Pengerusi Perhubungan UMNO (baru) Negeri Kedah.

Sejarah

Ditanya mengenai keputusan mahkamah yang dianggap bercanggah, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata perkara tersebut diserahkan kepada peguam untuk kajian. Bagaimanapun, beliau

mengulangi bahawa jelas seolah-olah mahkamah mempunyai fikiran kedua (*second-thoughts*) dengan membuat cadangan-cadangan yang bercanggah dengan hukuman yang telah dibuat.

Menurutnya, hukuman yang dibuat adalah jelas dan mustahil UMNO boleh haram pada 24 April (1987) dan selepas itu ia sah semula di samping tidak dapat memahami apa yang dimaksudkan dengan *the material time* itu.

"Apakah boleh sebuah badan itu haram sekejap, lepas tu tak haram sekejap, lepas itu haram sekejap, lepas tu tak haram sekejap kerana perbuatan-perbuatannya," tanya Datuk Sri Dr. Mahathir. Diminta menjelaskan seruannya kepada orang-orang Melayu supaya merenung semula tarikh "11 Mei" penubuhan UMNO pada tahun 1946 kira-kira 42 tahun dulu, beliau berpendapat tarikh itu harus diingati sebagai satu hari dalam sejarah yang mempunyai makna yang besar bagi seluruh rakyat negara ini. Katanya, tarikh itu harus diingati khususnya bagi orang-orang Melayu dan juga bagi lain-lain kaum kerana melalui UMNO juga akhirnya negara mencapai kemerdekaan.